

20/10/2001

Galakan cukai untuk pertanian

PERTUMBUHAN sektor pertanian negara kini masih bergantung kepada pengeluaran barangan komoditi saja dan wujud banyak bidang baru yang boleh dimajukan khususnya makanan dan keluaran berasaskan sumber seperti getah dan kayu-kayan.

Selain itu, sektor kecil makanan termasuk daging burung unta dan rusa, sayuran, buah-buahan, akuakultur ikan air tawar dan air masin, udang serta tiram boleh diusahakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keluaran herba tradisional yang ada potensi permintaan tinggi dan usaha memperluas kegunaan keluaran berasaskan getah perlu juga dipertingkatkan.

Sehubungan itu katanya, kerajaan mencadangkan pelaburan semula syarikat yang sedang beroperasi diberi pengecualian cukai pendapatan 100 peratus terhadap pendapatan berkanun bagi tempoh lima tahun untuk memperkukuhkan sektor pertanian supaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara,

Beliau berkata, kerajaan juga menyediakan galakan cukai dalam bentuk elaun 100 peratus terhadap perbelanjaan modal bagi menggalakkan pengeluaran makanan secara besar-besaran dengan matlamat eksport dan bagi tujuan penggantian import.

"Dengan ini saya mencadangkan galakan ini diperluas kepada projek pertanian lain seperti tanaman sayur-sayuran, herba, ternakan ikan termasuk ikan hiasan, kerang dan tiram," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun industri penternakan ayam sudah mencapai tahap sara diri namun kegiatan itu di negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak masih boleh dipertingkatkan.

(END)